

# **Keentingan Perancangan Pembangunan Inklusif bagi Memastikan Kelestarian Sosial, Ekonomi dan Alam Sekitar: Kajian Kes Parlimen Kuala Langat**

*The Importance of Inclusive Development Planning  
to Ensure Social, Economic and Environmental Sustainability:  
Case Study of Kuala Langat Parliamentary Constituency*

*Nurul Syaza Mazelan\**

## **Abstrak**

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia berfokuskan Matlamat Pembangunan Lestari atau juga dikenali *All Parties Parliamentary Group Malaysia – Sustainable Development Goals* (APPGM-SDG) sentiasa mendukung prinsip “Tiada Sesiapa Ditinggalkan” (*Leave No One Behind*). Sehubungan dengan itu, berdasarkan dapatan kajian pemetaan isu oleh APPGM-SDG di Parlimen Kuala Langat yang telah dijalankan pada tahun 2023, perancangan pembangunan inklusif dilihat memberi impak yang signifikan dalam memastikan kelestarian sosial, ekonomi dan alam sekitar. Hal ini jelas dilihat apabila tahap kepekaan penduduk di Parlimen Kuala Langat terhadap pelan pemajuan kerajaan tempatan seperti Rancangan Tempatan dan Laporan Cadangan Pemajuan terutamanya bagi perancangan pembangunan industri dan kawasan pembangunan baharu sangat diberi perhatian. Penduduk ingin memastikan perancangan pembangunan yang dicadangkan lebih bersifat inklusif dengan mengambil kira pandangan dan impak yang diterima daripada komuniti tempatan. Namun begitu, cabaran seperti pengetahuan yang terhad terhadap proses perancangan pembangunan dalam kalangan komuniti tempatan, limitasi dalam membuat keputusan perancangan pembangunan dan kurang komunikasi dua hala antara agensi kerajaan telah menyebabkan aktiviti

---

\* Nurul Syaza Mazelan merupakan Penolong Pengarah, Jabatan Penyelarasan Parlimen, Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia. Email: [syaza@appgm-sdg.com](mailto:syaza@appgm-sdg.com)

pembangunan semasa yang dijalankan tidak bersifat lestari. Kaedah penglibatan masyarakat awam dalam perancangan pembangunan perlu diteliti semula untuk memastikan hasil perancangan pembangunan yang lebih inklusif melibatkan semua pihak berkepentingan. Pada masa yang sama, Matlamat Pembangunan Lestari ke-17 dapat dimanifestasikan dengan jayanya bagi memastikan pembangunan dilaksanakan dengan lebih inklusif dan lestari untuk kesejahteraan semua.

**Kata Kunci:** *perancangan pembangunan, inklusif, lestari; Matlamat Pembangunan Lestari, Parlimen Kuala Langat*

### **Abstract**

*All Parties Parliamentary Group Malaysia - Sustainable Development Goals (APPGM-SDG) always advocates the principle of “Leave No One Behind”. APPGM-SDG conducted an issue mapping study in the Parliament of Kuala Langat in 2023, which revealed that inclusive development planning significantly contributes to social, economic, and environmental sustainability. This is evident when considering the level of awareness among the population in the Parliament of Kuala Langat regarding local government development plans, such as Local Plans and Proposed Development Reports, especially for industrial development planning and new development areas, which are given significant attention. The population wants to ensure that the proposed development plans are more inclusive by considering the views and impacts received from the local community. However, challenges such as limited knowledge about the development planning process among the local community, limitations in making development planning decisions, and insufficient two-way communication between government agencies have led to unsustainable current development activities. The method of public engagement in development planning needs to be re-examined to ensure more inclusive development planning outcomes involving all stakeholders. Concurrently, the Sustainable Development Goal 17 (SDG 17) can be successfully manifested to ensure that development is implemented in a more inclusive and sustainable manner for the well-being of all.*

**Keywords:** *Development Planning; Inclusive; Sustainable; Sustainable Development Goals; Parliament Kuala Langat*

## Pengenalan

Perancangan merupakan satu kaedah untuk mencapai sesuatu tujuan.<sup>1</sup> Perancangan disediakan sebelum gerak kerja pembangunan sebenar dijalankan. Dessler juga menyatakan bahawa perancangan ialah kaedah pratetap sebelum melakukan tindakan tertentu.<sup>2</sup> Bagi memastikan pembangunan dijalankan dengan mampan dan inklusif, perancangan merupakan satu langkah dan kaedah yang penting untuk dilaksanakan pada peringkat awal. Selain itu, melalui perancangan yang dibuat, matlamat dan strategi pembangunan akan lebih jelas seterusnya mengenal pasti cabaran yang akan mempengaruhi impak pembangunan pada masa akan datang.

Pandangan umum melihat pembangunan bermaksud penggunaan sumber semula jadi untuk menyediakan infrastruktur, utiliti dan kemudahan untuk penggunaan yang lebih produktif atau mengeksploitasi kawasan terbiar atau penggunaan teknologi baharu untuk produktiviti yang lebih efisien.<sup>3</sup> Pembangunan berlaku apabila terdapat perubahan bentuk geomorfologi bumi, tindakan ke atas tanah, air, udara dan hutan disebabkan pertambahan penduduk dan perkembangan kawasan bandar.<sup>4</sup> Hal ini menyebabkan aktiviti penerokaan dan penggunaan sumber alam dijalankan. Seterusnya, pembangunan juga boleh memberi kesan terhadap persekitaran sesebuah kawasan dari segi kehidupan sosial dan pertumbuhan ekonomi setempat.<sup>5</sup>

Rujukan utama bagi perancangan pembangunan di Parlimen Kuala Langat adalah merujuk kepada rancangan pemajuan, iaitu

- 
- 1 Merriam Webster, 'Definition of Plan' (Merriam-webster.com) <https://www.merriam-webster.com/dictionary/plan> accessed 28 November 2023.
  - 2 Gary Dessler, *A Framework for Human Resource Management* (Prentice Hall, 2009).
  - 3 Mark McGillivray, *International Development: Issues and Challenges* (Third edition, Palgrave, 2016) pp. 21–49 <https://www.hsph.harvard.edu/wp-content/uploads/sites/134/2017/07/Henson-reading-for-Julhy-7-What-is-development.pdf> accessed 30 November 2023.
  - 4 Zainal Md Zan, 'Kebekesanan Pelaksanaan "Local Agenda 21" Di Malaysia: Kajian Kes Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Pulau Pinang' (PhD thesis, Universiti Sains Malaysia, 2019) p. 2 <http://eprints.usm.my/id/eprint/44932> accessed 30 November 2023.
  - 5 Elizebeth Gustin and Dayangku Aslinah Abd. Rahim, 'Kesan Pembangunan Luar Bandar Ke Atas Kesejahteraan Hidup Masyarakat Di Sabah' (2020) 2 *Jurnal Dunia Perniagaan* 36 <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdprn/article/view/11561/5531> accessed 30 November 2023.

*Rancangan Tempatan* (RT) dan *Rancangan Struktur Negeri* (RSN) yang telah diwartakan. *Rancangan Tempatan* ialah suatu peta dan pernyataan bertulis disokong oleh garis panduan pelaksanaan bagi memandu pembangunan di kawasan pihak berkuasa perancang tempatan. Ia menterjemahkan dasar dan strategi utama *Rancangan Struktur* dan mengenal pasti projek serta program utama daerah di bawah peruntukan Seksyen 12 hingga 16A, Akta 172.<sup>6</sup> *Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Langat 2030* yang diwartakan pada 5 Julai 2018 telah mengalami dua kali pengubahan kerana tekanan pembangunan yang tinggi dan memerlukan pembangunan infrastruktur utiliti. *Rancangan Tempatan Perbandaran Kuala Langat 2030* (Pengubahan 1) telah diwartakan pada 31 Disember 2020 dan *Rancangan Tempatan Perbandaran Kuala Langat 2030* (Pengubahan 2) telah diwartakan pada 22 September 2022.<sup>7</sup> Berdasarkan garis masa pengubahan RT ini menunjukkan bahawa proses pengubahan rancangan pemajuan ini mengambil tempoh masa yang lama dalam lingkungan dua tahun kerana memerlukan proses tertentu seperti publisiti awam untuk diwartakan.

Seterusnya, bagi merealisasikan perancangan pembangunan di tapak berdasarkan RT dan RSN semasa yang telah diwartakan, pihak pemaju perlu melalui beberapa proses untuk mendapatkan kelulusan gerak kerja pembangunan di tapak. Berdasarkan Seksyen 2, Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172), pemajuan merangkumi kerja bangunan, kerja kejuruteraan, kerja perlombongan, kerja perindustrian, perubahan material penggunaan tanah, perubahan material penggunaan bangunan dan susunan penggunaan tanah untuk tujuan memecah sempadan atau mencantumkan tanah. Pihak pemaju perlu menghantar permohonan *Kebenaran Merancang* (KM) kepada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) untuk dipertimbangkan. Pada masa yang sama, Subseksyen 18(1) Akta 172 turut menegaskan aktiviti pembangunan tidak dibenarkan untuk dijalankan melainkan menurut rancangan tempatan. Manakala, bagi kes permohonan KM yang bercanggah dengan rancangan tempatan namun diluluskan pada peringkat PBPT dan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN), perlu melalui proses pindaan RT terlebih dahulu.

---

6 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), *Manual Rancangan Tempatan Edisi 2022* (2nd edn., Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (PLANMalaysia) 2023) p. 10 [https://www.planmalaysia.gov.my/planmalaysia/resources/Manual%20Rancangan/MANUAL\\_RT\\_2022\\_VERSI\\_2.pdf](https://www.planmalaysia.gov.my/planmalaysia/resources/Manual%20Rancangan/MANUAL_RT_2022_VERSI_2.pdf) accessed 1 December 2023.

7 Nurul Syaza Mazelan, 'Laporan Pemetaan Isu Parlimen Kuala Langat' (APPGM-SDG, 2023).

Dalam proses penyediaan KM pula, pihak pemaju perlu melantik perunding berdaftar untuk menyediakan *Laporan Cadangan Pemajuan* (LCP) yang juga merangkumi penilaian impak cadangan pemajuan seperti Penilaian Impak Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment* atau *EIA*), Penilaian Impak Sosial (*Social Impact Assessment* atau *SIA*) atau lain-lain berdasarkan kategori pembangunan yang dicadangkan.<sup>8</sup> Melalui proses penyediaan LCP ini juga akan melibatkan orang awam untuk memberikan pendapat dan bantahan sekiranya ada terutamanya bagi pembangunan di bawah kategori A dan kategori B. Berdasarkan Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial bagi Projek Pembangunan (PPSIA)<sup>9</sup> yang disediakan oleh PLANMalaysia, jenis pembangunan yang tertakluk kepada SIA adalah projek di bawah kategori A iaitu penebusgunaan pinggir laut, infrastruktur utama negeri, kemudahan utama, perbandaran baharu, pembangunan di puncak atau lereng bukit, infrastruktur berkepentingan negara dan projek di bawah kategori B yang mempunyai impak sosial ketara yang ditetapkan oleh PLANMalaysia Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Maka, dapat disimpulkan bahawa terdapat ruang diberikan kepada masyarakat awam untuk bersuara dan menyatakan pendapat dan bantahan dalam perancangan pembangunan tempatan sama ada melalui medium proses penyediaan RT dan KM. Kertas ini akan membincangkan cabaran merancang pembangunan inklusif dan kesan pembangunan tanpa mendapatkan keputusan yang kolektif.

## Reka bentuk kajian

Skop kajian ini adalah berbentuk kajian kes yang memberi penelitian mendalam terhadap proses perancangan pembangunan di Parlimen Kuala Langat. Kajian ini juga berbentuk pelbagai kes (*multi-case*) dan pelbagai tempat (*multi-site*) lokaliti. *Multi-case* merujuk kepada beberapa penduduk berbilang etnik dan kaum, manakala *multi-site*

---

8 Jabatan Kerajaan Tempatan, Manual OSC 3.0 plus Proses Dan Prosedur Cadangan Pemajuan Serta Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC) (1st edn., Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, 2019) [https://www.mdlabis.gov.my/sites/default/files/manual\\_osc\\_3.0\\_plus\\_cetakan\\_kedua\\_jun\\_2020.pdf](https://www.mdlabis.gov.my/sites/default/files/manual_osc_3.0_plus_cetakan_kedua_jun_2020.pdf) accessed 1 December 2023.

9 PLANMalaysia, Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan (PLANMalaysia, 1st edn., 2023) pp. 2–1 <https://mytownnet.planmalaysia.gov.my/index.php/books/panduan-pelaksanaan-penilaian-impak-sosial-bagi-projek-pembangunan/> accessed 1 December 2023.

pula merangkumi beberapa kawasan petempatan yang bertumpu di parlimen Kuala Langat. Kajian ini adalah bersifat kualitatif iaitu pengumpulan data dilakukan melalui temu bual dalam perbincangan kumpulan bersasar (*Focus Group Discussion*) semasa kajian pemetaan isu dijalankan di Parlimen Kuala Langat.

## **Kumpulan sasaran kajian**

Dalam kajian kes ini, sasaran kumpulan utama adalah lebih berfokus kepada penduduk tempatan Kuala Langat terutamanya di kawasan yang terkesan dengan pembangunan industri yang semakin aktif dan kawasan yang telah dizonkan kepada aktiviti pembangunan baharu berdasarkan *Rancangan Tempatan Perbandaran Kuala Langat 2030* (Pengubahan 2). Antara peserta yang ditemu bual berkaitan isu kelestarian kesejahteraan sosial yang dipengaruhi oleh pembangunan industri di Parlimen Kuala Langat ialah penduduk Kg. Batu 9, Kg. Sungai Manggis, dan penduduk sekitar Jenjarom. Komuniti nelayan Kg. Kelanang dan penduduk kampung Orang Asli Pulau Carey pula memfokuskan isu kelestarian alam sekitar dan ekonomi tempatan daripada aktiviti pembangunan ekonomi maritim.

## **Dapatan kajian**

### ***Ruang penglibatan awam dalam perancangan pembangunan***

Berdasarkan Akta 172, terdapat asas panduan yang jelas bagaimana sesuatu publisiti dan penyertaan awam dijalankan. Program publisiti dan penyertaan awam perlu dilaksanakan sama ada pada peringkat *Rancangan Struktur* (RS), *Rancangan Tempatan* (RT) dan *Rancangan Kawasan Khas* (RKK), iaitu seperti dalam *Jadual 1* di bawah.

**Jadual 1: Keperluan mengadakan publisiti dan penyertaan awam mengikut peruntukan Akta 172**

Rancangan Pemajuan	Peringkat	Peruntukan Akta 172
Rancangan Struktur	Laporan Tinjauan	Subseksyen 9(1)
	Draf RS	Subseksyen 9(2) Subseksyen 9(3) Subseksyen 9(5) Subseksyen 10(3)
	Pewartaan	Subseksyen 10(7)
	Kajian Semula	Subseksyen 11(A)
	Pengubahan	Subseksyen 11B(3) Subseksyen 11B(4) Subseksyen 11B(7)
Rancangan Tempatan	Publisiti Awal	Seksyen 12A
	Draf RT	Subseksyen 13(1) Subseksyen 13(2) Subseksyen 15(1)
	Pewartaan	Subseksyen 15(4)
	Pengubahan, Pembatalan dan Penggantian	Subseksyen 16(3)
Rancangan Kawasan Khas	Sama seperti penyediaan RT	Subseksyen 16B(3)

Sumber: Portal e-publisiti 2.0, PLANMalaysia, 2022.<sup>10</sup>

Pada tahun 16 Januari 2017, Akta 172 telah dipinda dan kini dikenali sebagai Akta A1522. Antara perkara yang dipinda dalam pindaan kelima ini yang berkait dengan penyertaan awam dalam perancangan pembangunan adalah memasukkan keperluan *Social Impact Assessment* (SIA) berdasarkan jenis pembangunan dan memperkukuh kandungan LCP dengan mengambil kira impak sosial. Berdasarkan Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial bagi Projek Pembangunan, SIA ini disediakan bertujuan untuk mengenal pasti dan mengurus impak negatif yang terhasil daripada pelaksanaan projek tersebut dan juga memastikan

10 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), 'Keperluan Akta 172' ([www.planmalaysia.gov.my](http://www.planmalaysia.gov.my), 8 November 2022) <https://www.planmalaysia.gov.my/index.php/pages/view/407?mid=544> accessed 28 November 2023.

manfaat diterima secara menyeluruh oleh komuniti setempat. Antara jenis projek yang memerlukan SIA adalah seperti yang disenaraikan dalam *Jadual 2*.

**Jadual 2: Kategori SIA mengikut jenis pembangunan**

Kategori SIA	Kategori A	Kategori B
<b>Akta berkaitan</b>	Seksyen 20B dan Subseksyen 22(2A), Akta 172	Subseksyen 21(1), Akta 172
<b>Jenis pembangunan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penebusgunaan pinggir laut</li> <li>• Infrastruktur utama               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Lapangan terbang</li> <li>- Pelabuhan laut/darat</li> <li>- Pengangkutan kereta api</li> <li>- Lebuhraya</li> <li>- Pembuangan sisa toksik</li> <li>- Stesen jana kuasa</li> <li>- Empangan</li> <li>- Perbandaran baharu</li> <li>- Pembangunan di puncak atau lereng bukit</li> </ul> </li> <li>• Infrastruktur lain yang berkepentingan negara. Tumpuan kepada:               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Infrastruktur yang merentasi dua negeri atau lebih</li> <li>- Infrastruktur yang melibatkan tadahan penduduk dua negeri atau lebih</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perindustrian</li> <li>• Pengurusan sisa</li> <li>• Tenaga dan utiliti</li> <li>• Jalan raya</li> <li>• Penebusgunaan pinggir laut (keluasannya kurang daripada 50 hektar dan lebih daripada 20 hektar)</li> <li>• Rumah pekerja</li> <li>• Komersial               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taman tema</li> <li>- Lot perdagangan berskala besar</li> <li>- Hypermarket/ superstore</li> </ul> </li> <li>• Lain-lain projek pembangunan termasuk perlombongan, pertanian, takungan air pinggir sungai dan yang ditentukan PBN atau PBT</li> </ul>

*Sumber: Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial bagi Projek Pembangunan, 2023.*<sup>11</sup>

11 PLANMalaysia, Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan (1st edn., PLANMalaysia, 2023) pp. 2–1 <https://mytownnet.planmalaysia.gov.my/index.php/books/panduan-pelaksanaan-penilaian-impak-sosial-bagi-projek-pembangunan/> accessed 1 December 2023.



Bagi kajian kes Parlimen Kuala Langat, berdasarkan temu bual bersama-sama penduduk Jenjarom, terdapat pelaporan EIA dan SIA perlu disediakan dalam penyediaan LCP bagi projek perindustrian yang dibangunkan. Penduduk Jenjarom juga menyatakan mereka pernah terlibat dalam perbincangan berfokus bagi projek tersebut.

### ***Tahap penglibatan awam***

Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Langat 2030 yang diwartakan pada 5 Julai 2018 telah mengalami dua kali pengubahan kerana tekanan pembangunan yang tinggi dan memerlukan pembangunan infrastruktur utiliti. *Rancangan Tempatan Perbandaran Kuala Langat 2030* (Pengubahan 1) telah diwartakan pada 31 Disember 2020 dan *Rancangan Tempatan Perbandaran Kuala Langat 2030* (Pengubahan 2) telah diwartakan pada 22 September 2022. Berdasarkan perbincangan yang diadakan bersama-sama Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) semasa sesi dialog antara agensi<sup>12</sup>, pihak MPKL memaklumkan bahawa penyertaan awam bagi *Rancangan Tempatan Perbandaran Kuala Langat 2030* (Pengubahan 2) hanya mendapat lebih kurang 100 respon sahaja daripada masyarakat awam.

Pihak MPKL juga telah memaklumkan bahawa mereka telah mengikut tatacara dan kaedah pelaksanaan publisiti seperti yang diperuntukkan dalam Akta 172 dan juga pendekatan terkini untuk membuat hebahan termasuk di media sosial dan ruang perbualan atas talian seperti WhatsApp. Namun begitu, pihak MPKL juga tidak menafikan sekiranya hebahan tersebut masih belum mencapai tahap capaian yang maksimum kepada semua penduduk tempatan Kuala Langat.

*“Kita haritu, dalam 100 lebih je dia punya bantahan.” – Pegawai Perancang Bandar, MPKL.*

*“Sesi bantahan tu, berdasarkan apa yang kita terima borang bantahan tu. Tak banyak pon. Betul, memang tidak akan mendapat maklum balas penuh daripada masyarakat yang berkaitan dengan pengubahan tu tadi, dan akhirnya bila dah berlaku pembangunan tu, mereka akan bersuara.” – Pegawai Perancang Bandar, MPKL.*

*“Kalau ikut kaedah tu, habis channel dah kita blast. Dalam akhbar, tu memang tak pernah gagal. Di website. Kita punya channel iaitu ahli majlis, kita mintak mereka blast (tapi berkaitan kawasan tertentu).*

---

12 APPGM-SDG, Interview with MPKL, ‘Sesi Dialog Bersama Agensi Kerajaan’ (27 March 2023).

*Kita punya iklan dekat digital board dan Whatsapp group. Kita blast melalui tu la. Itu antara kaedah-kaedahnya.” – Pegawai Perancang Bandar, MPKL.*

Dengan jumlah respon daripada penduduk yang tidak begitu banyak semasa program publisiti RT diadakan, hal ini menunjukkan bahawa masyarakat awam masih kurang peka dan cakna. Penduduk masih kurang jelas mengenai hak mereka untuk bersuara dalam membantah dan memberi pandangan mengenai perancangan pembangunan seperti yang telah diperuntukkan dalam Akta 172. Namun begitu, hal ini juga terjadi disebabkan terdapat beberapa cabaran dan limitasi penduduk tempatan yang menghadkan mereka untuk tampil bersuara kepada agensi kerajaan.

### ***Cabaran dan limitasi perancangan pembangunan inklusif***

Berdasarkan dapatan kajian pemetaan isu di Parlimen Kuala Langat,<sup>13</sup> terdapat beberapa cabaran dan limitasi untuk mencapai perancangan pembangunan yang inklusif. Antara cabaran yang dihadapi oleh penduduk tempatan dalam bersuara semasa proses perancangan pembangunan berjalan ialah pengetahuan yang terhad mengenai cadangan pemajuan yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan. Hal ini juga terjadi apabila hebahan yang dilakukan kurang meluas dan tidak sampai kepada penduduk tempatan yang terkesan.

Sebagai contoh, penduduk Kg. Batu 9 telah menghadapi krisis pencemaran bunyi dan bau selama lebih 20 tahun sejak pembangunan industri mula dibina pada tahun 2000. Kedudukan industri tersebut terletak bersebelahan dengan kawasan perkampungan mereka yang hanya dipisahkan dengan zink sahaja. Penduduk dan ahli Parlimen Kuala Langat menyatakan bahawa maklumat perancangan pembangunan tidak melibatkan penduduk dan hebahan perancangan pada waktu dahulu tidak dihebah secara meluas seperti sekarang. Oleh hal yang demikian, penduduk hanya mula membantah setelah pembangunan industri telah dibina dan mula beroperasi.

*“Kami tidak pernah dilibatkan dalam perancangan pembangunan. Jadi, tiada medium untuk kita bantah pada waktu itu. Tapi kalau dia tahu kami duduk di sana beratus-ratus orang, kaedah terbaik mereka perlu lakukan adalah memanggil kami untuk berbincang. Di*

---

13 Nurul Syaza Mazelan, ‘Laporan Pemetaan Isu Parlimen Kuala Langat’ (APPGM-SDG, 2023).

*waktu itu kami tidak dilibatkan dalam perbincangan. Jadi, tahu-tahu je kawasan tu telah pon digazetkan. Pembangunan pada tahun 2000 dah mula naik. Begitulah situasinya.” – Wakil penduduk Kg. Batu 9.*

*“Pada masa itu masyarakat pon mungkin tak peka dan daripada sudut hebahan ni pon tidak sebaik seperti sekarang. Sekarang saya tak nafikan ada tanah kecil pon dia akan bagitahu, ada surat yang terus kepada jiran-jiran.” – Ahli Parlimen Kuala Langat.*

Selain itu, limitasi dalam membuat keputusan perancangan pembangunan terjadi apabila hebahan dan perbincangan hanya melibatkan ketua kampung dan ahli majlis sebagai wakil kepada penduduk tempatan. Ketua kampung dan ahli majlis bertanggungjawab untuk memberikan pendapat dan bantahan sekiranya perlu semasa proses perancangan pembangunan dijalankan. Namun begitu, tanggungjawab ketua kampung dan ahli majlis dalam menyampaikan maklumat penting kepada penduduk tempatan yang berisiko terjejas tidak dilaksanakan dengan baik. Hal ini menyebabkan kompetensi ketua kampung dan ahli majlis turut dipertikaikan oleh penduduk seperti yang terjadi di Jenjarom kerana tidak membantu penduduk tempatan dalam membantah perancangan pembangunan yang memberikan impak negatif kepada komuniti setempat.

*“Penduduk di sana tidak tahu mengenai projek tersebut (industri) kerana apabila soal selidik dijalankan oleh mereka (Pihak Berkuasa Tempatan), mereka hanya memaklumkan kepada ketua kampung. Ketua kampung hanya menutup mulut sekiranya apa-apa berlaku. Hanya beberapa pihak sahaja yang tahu mengenai projek tersebut. Jadi, majoriti penduduk di sana tidak tahu mengenai projek tersebut sehingga projek mula dilaksanakan.” – Wakil penduduk Jenjarom 1.*

*“Majlis (MPKL) buat satu sesi jemput ketua kampung. Tapi apa yang berlaku di kawasan ni, ketua-ketua kampung, mereka hanya tunduk patuh. Mereka akan keluar pernyataan mewakili penduduk kampung. Walhal, semua penduduk kampung ni tak setuju la dengan kilang tu. Jadi, pihak kerajaan akan dengar kenyataan ketua kampung. Ini ketua kampung dah buat kenyataan, kenapa kamu pulak bantah?.” – Wakil penduduk Jenjarom 2*

Ketelusan pelaporan penilaian impak yang disediakan oleh pihak pemaju kepada pihak berkuasa tempatan juga menjadi pertikaian dalam memastikan perancangan pembangunan dilaksanakan secara inklusif dan lestari. Pihak pemaju akan melantik perunding untuk penyediaan

LCP yang merangkumi laporan penilaian impak seperti SIA, EIA atau lain-lain. Pihak perunding perlu menjalankan proses penyertaan awam bersama-sama penduduk tempatan untuk memahami impak dan mitigasi yang harus dilaksanakan semasa proses penyediaan laporan penilaian impak tersebut. Namun begitu, hasil akhir laporan penilaian impak oleh pihak perunding lebih memihak kepada pihak pemaju untuk tujuan kelulusan projek seperti yang dinyatakan oleh wakil NGO, Persatuan Tindakan Alam Sekitar Kuala Langat.

*“Ketelusan EIA sekarang menjadi satu tanda tanya kerana perunding dibayar terus oleh pihak pemaju. Oleh itu, saya telah cuba menghubungi mereka. Kebanyakan perunding yang menyediakan EIA ini, mereka tidak mahu bercakap dengan kami kerana mereka tidak boleh menyebelahi kami. Jadi, siapa yang boleh menyebelahi penduduk?.”*  
– Wakil NGO, Persatuan Tindakan Alam Sekitar Kuala Langat.

*“Mereka (perunding) telah menjalankan Focus Group Discussion (FGD), tetapi mereka mengelak daripada kami. Walaupun dia jemput kami, dia sengaja mengabaikan kita. Mereka hanya berjumpa dengan orang tertentu dan mereka tidak memberitahu perkara sebenar kepada penduduk. Mereka hanya memberitahu perkara yang baik dan kemudian memberikan hadiah kepada penduduk. Ini adalah cara mereka memproses EIA tersebut.”* – Wakil NGO, Persatuan Tindakan Alam Sekitar Kuala Langat.

Walaupun penduduk telah cuba bersuara dengan membuat aduan dan bantahan, keputusan akhir kepada perancangan pembangunan masih tertakluk kepada keputusan daripada agensi kerajaan. Perbincangan dua hala antara agensi kerajaan dan penduduk pernah dilaksanakan untuk membincangkan isu pencemaran yang berlaku daripada pembangunan industri. Namun begitu, perbincangan tersebut tiada hasil kerana pihak agensi kerajaan cuba mengelak dan menolak tanggungjawab antara satu sama lain kerana pertindihan bidang kuasa.

*“Dua-dua selalu sepak bola macam ni. Dulu kami buat aduan, JAS kata kita tak boleh ambil tindakan, ini kena pergi MPKL, MPKL bagi lesen. Bila pergi MPKL, ini kena pergi JAS. Jadi, siapa punya kuasa?.”* – Wakil penduduk Jenjarom 1.

### **Kesan pembangunan**

Kurang penglibatan awam dalam perancangan pembangunan akan menyebabkan kesan yang negatif kepada penduduk setempat apabila

pembangunan yang dibangunkan memberikan ketidakselesaian dan mengganggu-gugat kehidupan seharian penduduk. Antara kesan pembangunan yang dibangunkan tanpa penglibatan awam yang telus di Parlimen Kuala Langat adalah seperti kehilangan hak, kehilangan sumber pendapatan, dan risiko pencemaran yang menjejaskan kesihatan penduduk.

Sebagai contoh, penduduk Kg. Batu 9 tersepit dalam pembangunan industri baharu di sekeliling kawasan penempatan mereka yang telah dizonkan sebagai zon perindustrian. Akhirnya, mereka kehilangan hak terhadap tanah asal penempatan mereka apabila mereka perlu ditempatkan semula ke kawasan penempatan baharu. Kawasan penempatan baharu telah dibina sebagai pampasan kepada penduduk Kg. Batu 9. Walau bagaimanapun, terdapat isu pemindahan milik tanah yang telah melambatkan proses penempatan semula tersebut.

*“Pada tahun 2000, kami start merasakan perubahan pembangunan. Terutamanya bila mana di kawasan antara sepanjang Jalan Rajawali dan Kasawari termasuklah kawasan penempatan itu dizonkan sebagai zon industri. Jadi, 8 ekar tu dia jadi tersepit antara tanah-tanah indsutri yang telah digazetkan..” – Wakil penduduk Kg. Batu 9*

*“Tahun 2008, kami memulakan usaha untuk mengutarakan masalah yang kita hadapi itu dengan bantuan YB bersama-sama dengan kerajaan negeri Selangor pada waktu itu. Dia bersetuju untuk memperuntukkan sebidang tanah untuk petempatan baru penduduk dan juga petempatan madrasah. Kita dapat (petempatan) yang baru, lebih kurang 10 minit dari petempatan asal tersebut.” – Wakil penduduk Kg. Batu 9.*

*“Sudah tentu ia mengambil masa yang sangat lama, daripada tahun 2008 sampailah sekarang. Walaupun dia dah hampir siap untuk petempatan penduduk tapi masih ada beberapa isu yang kami kena selesai berkaitan dengan tanah 8 ekar tu. Dia banyak nama. Ada yang dah meninggal dan sebagainya. Jadi, kami terpaksa berurusan dengan kerajaan negeri.” – Wakil penduduk Kg. Batu 9.*

Selain itu, komuniti nelayan Kg. Kelanang dan penduduk kampung Orang Asli Pulau Carey juga menerima impak daripada aktiviti pembangunan ekonomi maritim yang semakin aktif di Pelabuhan Klang. Sumber pendapatan komuniti nelayan dan orang asli semakin terjejas apabila zon penangkapan ikan semakin terhad dan sumber hutan paya bakau juga semakin merosot kerana jumlah kapal semakin bertambah di kawasan laluan kapal. Malah, terdapat juga kapal terpaksa menambak

di Sungai Langat kerana kawasan berlabuh yang tidak mencukupi. Hal ini telah mengganggu kawasan pencarian penangkapan ikan. Tambahan pula, perancangan pembangunan untuk meluaskan kawasan pelabuhan juga telah dirangka seperti yang dimaklumkan oleh wakil Jabatan Laut Negeri Selangor.

*“Kalau dahulu kapal tu dalam 10 ke 15. Ini hari boleh mencapai sehingga 50 biji.” – Wakil nelayan Kg. Kelanang.*

*“Dulu kawasan kami tu kira 1 ekar. Sekarang kami nak menjala tu tinggal setengah lebih ekar sikit je. Sebab pelabuhan kapal dari Port Klang dah ke mari.” – Wakil nelayan Kg. Kelanang.*

*“Hakisan laut yang tepi pun menyebabkan kepah tiada, siput buluh tiada, kerang tiada..semua tiada.” – Wakil Orang Asli Kg. Sungai Judah.*

*“Ni pun kiri kanan kire pembangunan lah. Di sebelah belakang tu dah takde dah. Takde hutan ape dah. Kita nak cari ketam apa semua pun dah takde dah.” – Wakil Orang Asli Kg. Kepau Laut.*

*“Sebenarnya kawasan Kuala Langat tiada kawasan untuk kapal berlabuh ni. Kebanyakannya di Pelabuhan Klang. Kami tidak benarkan untuk kapal berlabuh melainkan kecemasan atau berlaku kesesakan dekat Pelabuhan Klang, Baru boleh diberi kebenaran la untuk masuk ke port limit Kuala Langat.” – Wakil Jabatan Laut Negeri Selangor.*

*“Cuma yang saya ada maklum adalah pembesaran pelabuhan sedia ada.” – Wakil Jabatan Laut Negeri Selangor.*

Manakala, majoriti penduduk di Jenjarom dan Kg. Manggis pula menghadapi risiko keselamatan dan ancaman kesihatan kerana terdedah kepada pencemaran air, udara dan bau yang berpunca daripada operasi kilang-kilang yang aktif menjalankan aktiviti industri berat dan sederhana. Hal ini menjadi semakin buruk apabila pembangunan industri yang dibangunkan sangat berdekatan dengan kawasan penempatan asal penduduk. Sewajarnya, perancangan pembangunan industri perlu menitikberatkan kesan kepada kehidupan penduduk sekitar yang berdekatan melalui perbincangan bersama-sama penduduk yang paling terjejas dan dilaksanakan dengan telus dan terbuka.

*“Dan isu yang paling kritikal dalam hab industri ni, jarak. Jarak di antara industri dan sekolah. Jarak dengan perumahan. Faizal dengan En Amir tu memang duduk di Taman Bakti. Memang mereka setiap malam boleh nampak asap, boleh dengar bunyi.” – Wakil penduduk Kg. Manggis.*

*“Benda yang paling nyata la. Jarak. Kami ukur sendiri jarak, kilang ke sekolah tak sampai 50 meter. Hanya 48.2 (meter).” – Wakil penduduk Kg. Manggis.*

*“Dulu bila pencemaran plastik berlaku. Itu kilang-kilang malam bakar. Ada penduduk mereka batuk.-batuk sampai darah keluar. Sampai dia perlu admit ICU. Doktor cek, doktor kata, sistem imunisasi sangat lemah.” – Wakil NGO, Persatuan Tindakan Alam Sekitar Kuala Langat.*

## **Cadangan penyelesaian**

Pembangunan masih menjadi keperluan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang seimbang dengan keperluan semasa. Namun begitu, perancangan pembangunan yang inklusif adalah sangat penting untuk memastikan hasil pembangunan yang mampan dan mengurangkan impak negatif sosial terjadi. Oleh itu, hal ini perlu diambil perhatian dan memerlukan tindakan khusus untuk menambah baik proses perancangan pembangunan pada masa akan datang.

## **Pengukuhan proses pembentukan rancangan pemajuan**

Rancangan pemajuan termasuk dalam sistem hierarki pelan pembangunan dalam negara yang mengandungi empat peringkat iaitu Rancangan Fizikal Negara (RFN), Rancangan Struktur Negeri (RSN), Rancangan Tempatan (RT) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK).<sup>14</sup> Perancangan pemajuan ini akan menjadi rujukan utama dalam pemerolehan kelulusan untuk menjalankan aktiviti pembangunan di sesuatu kawasan selepas diwartakan.

Pengetahuan yang terhad terhadap sistem rancangan pemajuan dan tahap penglibatan golongan rentan yang rendah menjadi cabaran utama kepada pembentukan rancangan pemajuan yang inklusif. Justeru itu, proses pembentukan rancangan pemajuan perlu ditambah baik seperti:

- i) Penambahbaikan dalam kaedah hebahan publisiti draf rancangan pemajuan yang lebih inklusif, seiring dengan sosiobudaya semasa dan perkembangan teknologi yang lebih bergantung kepada penggunaan digital. Berdasarkan Akta 172, notis pemberitahuan penyediaan dan semakan draf rancangan pemajuan perlu disiarkan sekurang-kurangnya di akhbar tempatan sahaja.

14 PLANMalaysia@Johor, ‘Rancangan Pemajuan’ (jpbld.johor.gov.my) <https://jpbld.johor.gov.my/index.php/rancangan-pemajuan> accessed 20 December 2023.

- ii) Semakan tahap daya laksana dasar dan cadangan terutamanya terhadap golongan rentan pada peringkat akar umbi yang secara langsung terkesan dengan cadangan berimpak tinggi yang dinyatakan dalam rancangan pemajuan.

### ***Peningkatan tahap penyertaan dan penglibatan awam***

Penglibatan daripada golongan tidak aktif perlu dipertingkatkan demi menjaga hak masyarakat awam dan memastikan pembangunan yang lebih mampan dan inklusif. Antara cadangan meningkatkan tahap penglibatan awam adalah seperti:

- i) Kerjasama yang aktif antara Jawatankuasa/Persatuan Penduduk, Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), NGO dan penduduk setempat bagi membolehkan mereka menyatakan pendapat dalam perkongsian maklumat dan perbincangan untuk mencapai keputusan bersama sebelum mewakili pihak penduduk dalam sesi perbincangan bersama-sama agensi.
- ii) Menggunakan kaedah penyampaian maklumat kepada penduduk berdasarkan sosiobudaya tempatan seperti memperbanyakkan forum, dialog, bengkel dan persidangan bersama-sama penduduk tempatan secara terbuka untuk memberi pengetahuan dan maklumat yang lebih jelas mengenai perancangan pembangunan.
- iii) Meningkatkan pengetahuan dan kepekaan masyarakat awam mengenai dasar dan perundangan berkaitan terutamanya untuk memahami ruang-ruang hak masyarakat awam untuk bersuara.
- iv) Pelaksanaan penilaian impak cadangan pemajuan perlu dijalankan secara lebih telus, bersifat menyeluruh dan terbuka kepada semua pihak berkepentingan yang berisiko menerima impak secara langsung dan tidak langsung.

### **Kesimpulan**

Berdasarkan undang-undang dan dasar semasa, terdapat keperluan untuk agensi kerajaan dan pemaju untuk mengadakan publisiti awam dan perbincangan bersama untuk membuka ruang kepada masyarakat awam untuk bersuara serta menyatakan pendapat dan bantahan terhadap perancangan pembangunan yang akan dilaksanakan sebelum keputusan akhir dilakukan. Namun begitu, masih terdapat cabaran dan limitasi masyarakat awam dalam penglibatan secara langsung dalam membuat



keputusan kepada perancangan pembangunan. Antara cabaran tersebut ialah penglibatan awam yang terhad, kebergantungan kepada ketua komuniti tempatan, kaedah, pelaporan penilaian impak yang tidak telus, dan pertikaian terhadap kompetensi ketua komuniti tempatan dan agensi kerajaan. Akhirnya, hal ini telah menyebabkan pembangunan yang dibangunkan tidak bersifat inklusif dan lestari. Maka, tindakan yang lebih proaktif oleh agensi kerajaan dan juga komuniti tempatan perlu dipertingkatkan dengan menambah pengetahuan terhadap undang-undang dan keperluan pembangunan serta menggalakkan sesi perbincangan bersama bagi mencapai kata putus yang saksama.

## Rujukan

- APPGM-SDG, Interview with MPKL, 'Sesi Dialog Bersama Agensi Kerajaan' (27 March 2023).
- Dessler G, *A Framework for Human Resource Management* (Prentice Hall 2009).
- Gustin E dan Abd. Rahim DA, 'Kesan Pembangunan Luar Bandar ke Atas Kesejahteraan Hidup Masyarakat di Sabah' (2020) 2 *Jurnal Dunia Perniagaan* 36 <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpm/article/view/11561/5531> accessed 30 November 2023.
- Jabatan Kerajaan Tempatan, *Manual OSC 3.0 PLUS Proses dan Prosedur Cadangan Pemajuan Serta Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC)* (1st edn., Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan 2019) [https://www.mdlabis.gov.my/sites/default/files/manual\\_osc\\_3.0\\_plus\\_cetakan\\_kedua\\_jun\\_2020.pdf](https://www.mdlabis.gov.my/sites/default/files/manual_osc_3.0_plus_cetakan_kedua_jun_2020.pdf) accessed 1 December 2023.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), 'Keperluan Akta 172' (www.planmalaysia.gov.my 8 November 2022) <https://www.planmalaysia.gov.my/index.php/pages/view/407?mid=544> accessed 28 November 2023.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), *Manual Rancangan Tempatan Edisi 2022* (2nd edn., Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (PLANMalaysia) 2023) [https://www.planmalaysia.gov.my/planmalaysia/resources/Manual%20Rancangan/MANUAL\\_RT\\_2022\\_VERSI\\_2.pdf](https://www.planmalaysia.gov.my/planmalaysia/resources/Manual%20Rancangan/MANUAL_RT_2022_VERSI_2.pdf) accessed 1 December 2023.
- Mazelan NS, 'Laporan Pemetaan Isu Parlimen Kuala Langat' (APPGM-SDG 2023).

McGillivray M, *International Development: Issues and Challenges* (3rd edn., Palgrave 2016) <https://www.hsph.harvard.edu/wp-content/uploads/sites/134/2017/07/Henson-reading-for-Julhy-7-What-is-development.pdf> accessed 30 November 2023.

Md Zan Z, 'Keberkesanan Pelaksanaan "Local Agenda 21" di Malaysia: Kajian Kes Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Pulau Pinang' (Thesis PhD) Universiti Sains Malaysia 2019) <http://eprints.usm.my/id/eprint/44932> accessed 30 November 2023.

Merriam Webster, 'Definition of Plan' (Merriam-webster.com 22 December 2023) <https://www.merriam-webster.com/dictionary/plan> accessed 28 November 2023.

PLANMalaysia, *Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan* (1st edn., PLANMalaysia 2023) <https://mytownnet.planmalaysia.gov.my/index.php/books/panduan-pelaksanaan-penilaian-impak-sosial-bagi-projek-pembangunan/> accessed 1 December 2023.

PLANMalaysia@Johor, 'Rancangan Pemajuan' (jpbd.johor.gov.my) <https://jpbd.johor.gov.my/index.php/rancangan-pemajuan> accessed 20 December 2023.